

Program Temurapat Majlis Pimpinan Pusat PKR

‘Saya, Azmin satu pasukan’

Anwar tegas
 isu landa parti
 masalah kecil,
 hubungan ahli
 kekal utuh

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
 dan Azzman Abdul Jamal
 bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerangkan beliau dan timbalannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan terus bekerjasama sebagai satut pasukan.

Menyuarakan pendirian berkecuaan, Anwar berkata, Menteri Hal Ehwal Ekonomi berkenaan mendapat mandat perwakilan PKR untuk menjadi Timbalan Presiden menerusi pemilihan parti.

“Azmin ialah Timbalan Presiden, kami perlu bekerjasama sebagai satut pasukan untuk kendalikan mesyuarat dan perbincangan. Beliau mendapat mandat daripada pemilihan parti yang lalu,” katanya pada sidang media selepas Program Temurapat Majlis Pimpinan Pusat PKR Sesi 2018/2021, di sini, semalam.

Mengulas keutuhan hubungan dalam kalanng ahli PKR, Anwar yang juga Ketua Umum Pakatan Harapan (PH), menyifatkan isu yang melingkari parti ketika ini adalah masalah kecil, namun di-perbesar dan disensasikan oleh media.

Beliau berkata, penganjuran sesi pemukiman selama tiga hari di sini sejak Jumaat lalu, bertujuan merapatkan hubungan se-



Anwar pada sidang media Program Temurapat Majlis Pimpinan Pusat PKR Sesi 2018/2021, di Port Dickson, semalam.
 (Foto Hasriyasyah Sabudin/BH)

sama ahli, selain pentas menyuarakan sebarang pandangan, idea, kritikan dan kegusaran berhubung pelbagai perkara.

“Kepemimpinan tertinggi perlu dengar semua ini dan secara dasarnya, kita mencapai persejuaan bahawa PKR harus memacu langkah ke depan dan tidak melakukan sebarang perubahan pendirian secara terburu-buru.

“Majoriti mahu kita kekal pada idealisme perjuangan demi manfaat rakyat kerana Pakatan Ha-rapan sudah memegang tumpuk

pemerintahan lebih setahun.

“Ada kejayaan besar yang dilakar, tetapi tidak dihebahkan kepada rakyat, selain keperluan meneliti semula kandungan manifesto dalam usaha melaksanakannya,” katanya.

Menyentuh isu kebertanggungjawaban, Anwar berkata, setiap pemimpin PKR yang menyandang jawatan penting pada peringkat kerajaan negeri dan Persekutuan, akan diberikan Indeks Prestasi Utama (KPI).

Katanya, pemimpin PKR yang diberikan amanah untuk memi-

kul tanggungjawab menerusi portfolio pengurusan berkaitan, akan dikekalkan sekiranya mencapai KPI.

“PKR dilahirkan sebagai parti yang memperjuangkan agenda rakyat dan selepas berjaya membentuk kerajaan, kita ingin kekalkan identiti ini.

“Oleh itu, apa yang diputuskan menerusi resolusi sempena pemukiman ini akan diketengahkan untuk pertimbangan Tun Dr Mahathir Mohamad ketika mesyuarat Majlis Presiden PH kelak,” katanya.